**NO. 2 TAHUN 2023**

# PINDAAN KEPADA ARAHAN BERKENAAN PELAKSANAAN RANGKA KUALITI PERKHIDMATAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KOTA KINABALU (2024)

Arahan ini dikeluarkan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ("**Suruhanjaya**") menurut seksyen 98A Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*].

1.1 Arahan ini boleh dinamakan sebagai Pindaan Kepada Arahan Berkenaan Pelaksanaan Rangka Kualiti Perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu No. 2 Tahun 2023 (2024).

1.2 Arahan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024.

**Pindaan kepada subperenggan 3.2(c)**

2. Subperenggan 3.2(c) Arahan Berkenaan Pelaksanaan Rangka Kualiti Perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu No. 2 Tahun 2023, yang disebut "Arahan ibu" dalam Arahan ini, dipinda dengan memasukkan selepas subperenggan (vii) subperenggan yang berikut:

"(viiA) kesesakan bebendul jalan (*kerbside congestion*)"

**Pindaan kepada Jadual 1**

3.1 Jadual 1 Arahan ibu dipinda dengan memasukkan dalam ruangan (3) selepas elemen kualiti perkhidmatan Papan tanda penunjuk arah (*wayfinding*), elemen baharu – Kesesakan bebendul jalan (*kerbside congestion*), sasaran baharu bagi ruangan (5) – Pematuhan sekurang-kurangnya 96% daripada saiz kaji selidik tersebut, dan Hasil berisiko (*Revenue at risk*) (%) baharu bagi ruangan (6) – Keputusan adalah untuk tujuan makluman dan penerbitan sahaja.

**JADUAL 1**

Rangka Kualiti Perkhidmatan (*Quality of Service Framework*)

| (1) No. | (2) Kategori kualiti perkhidmatan | (3) Elemen kualiti perkhidmatan | (4) Mekanisme pengukur (bulanan) | (5) Sasaran | (6) Hasil berisiko (*Revenue at risk*) (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Keselesaan dan kemudahan penumpang | Papan tanda penunjuk arah (*wayfinding*) | Maklumbalas kaji selidik daripada sebuah sampel penumpang | Pematuhan sekurang-kurangnya 98% daripada saiz kaji selidik tersebut | 0.14 |
| | | Kesesakan bebendul jalan (*kerbside congestion*) | | Pematuhan sekurang-kurangnya 96% daripada saiz kaji selidik tersebut | Keputusan adalah untuk tujuan makluman dan penerbitan sahaja |

**Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kassim**
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

**Dikeluarkan oleh**


MAVCOM
**Malaysian Aviation Commission**
*Suruhanjaya Penerbangan Malaysia*

Level 19, Menara 1 Sentrum,
201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.